

Hujan tanpa henti, air pasang punca banjir

REKOD Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan kejadian banjir besar di ibu negara pada 1971 itu berpunca daripada hujan lebat tanpa henti selama seminggu.

Ketua Pengarah JPS, **Datuk Ir. Ahmad Husaini Sulaiman** berkata, kadar taburan hujan yang direkod pada hari kejadian 4 Januari 1971 ialah 196 milimeter (mm).

"Ia merupakan peningkatan sebanyak 110.5 mm berbanding hari sebelumnya hanya 85.8 mm," katanya kepada **S2**.

Beliau berkata, kapasiti Sungai Klang dan Sungai Gombak tidak dapat menampung hujan itu

menyebabkan air melimpah membanjiri ibu negara.

"Dengan kedalaman kedua-dua sungai itu ia masih mampu menampung taburan hujan normal iaitu bawah 100 mm walaupun hujan turun berterusan tanpa henti," katanya.

Beliau menambah, pasang surut air laut juga antara punca banjir tersebut.

Mengambil iktibar daripada kejadian banjir-banjir besar yang



AHMAD HUSAINI SULAIMAN

berlaku di Kuala Lumpur termasuk pada 1971, Ahmad Husaini berkata, Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) telah dibina untuk mengurangkan masalah tersebut.

Katanya, SMART dibina supaya aliran Sungai Klang dan Sungai Ampang semasa hujan lebat

dilencongkan daripada memasuki kawasan pusat bandar ke kolam penahan di Kampung Berembang

sebelum disalurkan ke kolam takungan banjir di Taman Desa dengan melalui terowong sepanjang 9.7 kilometer.

Tambahnya, tanpa SMART kemungkinan Kuala Lumpur mengalami banjir besar adalah lebih tinggi dengan peningkatan hujan sebanyak 24 peratus (36 mm) dari tahun 1991 hingga 2011.

Lebih-lebih lagi katanya, banyak tempat yang dahulunya kawasan tadahan hujan telah dikambus untuk dijadikan tapak pembinaan.

"Selain itu, JPS telah melaksanakan beberapa projek tebatan banjir di kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur yang mudah

dinaiki air.

"Beberapa stesen siren amaran dan pemantau aras air serta hujan telah dibangunkan di 20 kawasan sekitar ibu negara seperti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Dataran Merdeka dan kolam air Kampung Tasik Pilir.

"Kamera web juga telah dipasang di sekitar lembangan Sungai Klang iaitu di Jambatan Tun Perak, Sungai Batu (Sentul), Sungai Bunus dan Jalan Chan Sow Lin.

"Dengan adanya langkah-langkah awal tersebut, kita percaya dapat meminimumkan kesan banjir kepada warga kota biarpun berlaku hujan seperti 1971," katanya.